

Pelajar baharu FPT semarak Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di Sfera@UMS

UB 20.10.2022 P02



KOTAKINABALU: Seramai 152 pelajar baharu Fakulti Perhutanan dan Tropika (FPT) sesi 2022/2023 Universiti Malaysia Sabah (UMS) turut serta menyemarakkan kempen penanaman 100 juta pokok di Sfera@UMS, di sini.

Program tersebut bertujuan memberi peluang dan pendedahan kepada pelajar baharu berkenaan Program Penghijauan Malaysia dan

KEMPEN: Para pelajar baharu FPT selesai menanam pokok di Sfera@UMS.

Kempen Penanaman 100 Juta Pokok peringkat UMS sempena Minggu Suai Mesra (MSM) ke-28 tahun ini.

Menurut kenyataan FPT, setiap pelajar baharu berpeluang menanam sebatang anak pokok dan menjadikan jumlah keseluruhan tanaman pada program tersebut adalah sebanyak 200 anak pokok.

“Antara anak pokok yang ditanam pada program kali ini ialah Selangan Batu, Urat Mata, Cempedak dan Durian.

“FPT juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Jabatan Perhutanan

Negeri Sabah yang telah menyumbangkan anak-anak pokok berkenaan,” menurut kenyataan itu.

MSM peringkat FPT telah diadakan pada 13 Oktober 2022 bagi memberi peluang kepada pelajar-pelajar baharu untuk mengenali dengan lebih dekat barisan pengu-rusan FPT, pendedahan mengenai program pengajian yang ditawarkan serta laluan kerjaya yang berkaitan.

Kemasukan pelajar baharu UMS sesi 2022/2023 merupakan ambilan kedua FPT sejak ia ditubuhkan pada 26 Mac 2021.